NO. SOALAN : 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]**
TARIKH	:	**30 MAC 2015 (ISNIN)**

IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah bentuk kerjasama yang telah dirangka oleh Kementerian bersama-sama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan agensi yang berkaitan bagi menangani isu perniagaan yang berunsur forex, emas dan network marketing yang kerap kali terlibat dengan kes penipuan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerjasama yang digarap di antara pihak Kementerian dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia adalah adalah di dalam konteks kerjasama penguatkuasaan di antara Bahagian Penguatkuasa di Kementerian dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Selain SKMM, kerjasama juga telah diwujudkan bersama pihak PDRM dan Cybersecurity Malaysia.

Kerjasama ini melibatkan kerjasama penguatkuasaan undang-undang berkaitan siber (*cyber-related laws*) oleh pihak Kementerian seperti Akta Hakcipta 1987, Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 dan Akta Sewa Beli 1967. Di antara bentuk kerjasama yang pernah dan masih dilaksanakan adalah:

i) Penguatkuasaan halangan akses ke atas laman-laman web yang melanggar undang-undang di atas dengan menggunakan kuasa Seksyen 263 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998;

ii) Perkongsian maklumat risikan siber dan lain-lain maklumat teknikal;

iii) Operasi bersama yang melibatkan pelbagai agensi yang disebutkan; dan

iv) Bantuan teknikal seperti forensik digital sama ada semasa atau selepas operasi.

76